

Isnin, 16 March 2020 | 6:16pm



Orang ramai menunggu giliran untuk membayar selepas membeli barangan keperluan harian ketika tinjauan di sebuah pasaraya hari ini. Penduduk Terengganu dinasihatkan tidak membuat pembelian panik barangan keperluan asas - Bernama

COVID-19: Jangan terpengaruh kenyataan tular, tak perlu pembelian panik

KUALA TERENGGANU: Penduduk Terengganu dinasihat agar tidak membuat pembelian panik barangan keperluan asas susulan pelbagai dakwaan palsu mengenai jangkitan COVID-19.

Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, berkata kerajaan sudah memberi jaminan bahawa semua stok bekalan barangan makanan dan keperluan yang lain adalah mencukupi.

"Malah KPDNHEP Terengganu turut memantau keadaan ini di semua peringkat dari pengilang, pembekal dan pemborong.

"Hasil pemantauan mendapati stok barangan keperluan dan makanan di Terengganu adalah mencukupi dan kita menasihati orang ramai agar tidak membuat pembelian panik," katanya mengulas dakwaan berlaku trend pembelian pengguna yang menampakkan tanda-tanda pembelian panik. – BERNAMA



Banyak rak bekalan makanan kosong kerana orang ramai dikatakan membuat pembelian panik ketika tinjauan di Kuala Lumpur – Foto NSTP / Aswadi Alias